

UTHM raih tiga anugerah dalam Festival Teater Negeri Johor 2015



Mereka yang terlibat dalam persembahan teater berkenaan bergambar kenangan setelah berjaya merangkul tiga anugerah.

BATUPAHAT – Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) berjaya melakar sejarah tersendiri apabila meraih tiga anugerah dalam Festival Teater Negeri Johor 2015.

Tiga anugerah berkenaan ialah Juara Keseluruhan, Pengarah Terbaik dan Sinografi Terbaik.

Pengarah Pusat Kokurikulum UTHM, Profesor Madya Dr Ahmad Esa berkata, teater bertajuk 'Sang Ningrat Abdul Rahman Andak' berkenaan mengisahkan perjuangan seorang tokoh ternama negeri Johor sebelum merdeka.

"Dalam kategori Pengarah Terbaik,

kumpulan teater yang diketuai tenaga pengajar juga berperanan sebagai pengarah teater iaitu Rosdi Abdullah mempunyai pengalaman luas sewaktu berada di Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (Aswara).

"Sementara itu, memenangi kategori Sinografi Terbaik memang di luar jangkaan kami, ini kerana bukan mudah untuk pelajar dari aliran teknikal untuk melakukannya," katanya.

Menurut Rosdi, dengan melibatkan diri dalam seni persembahan pentas ini, ia mampu meningkatkan tahap berkomunikasi dalam kalangan penuntut, se-

lain interpersonal dan intrapersonal.

Katanya, kemahiran berkenaan sebagai persediaan untuk penuntut menghadapi alam pekerjaan kelak.

"Pertandingan sebegini dapat memberi peluang kepada mereka untuk terlibat secara aktif dalam kegiatan kelab dan persatuan serta dapat menjadikan mereka lebih kreatif dan tidak hanya bergantung kepada bidang akademik sahaja," katanya.

Dalam pada itu, persembahan teater daripada kumpulan UTHM ini ia melibatkan 18 pelakon yang terdiri daripada penuntut dan juga kakitangan di beberapa fakulti.